

Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam

Halipah Hamzah

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Emel: shalipah@ppinang.uitm.edu.my

ABSTRAK

Alam ini sama ada alam nyata atau alam ghaib memiliki penghuni. Semua penghuni ini mempunyai peranan, tanggungjawab dan tugas tersendiri. Para malaikat dan jin antara makhluk Allah di alam halus berbanding manusia yang merupakan makhluk kasar. Pelbagai persoalan sering diperbincangkan oleh para sarjana dan ulama Islam mengenai makhluk Allah ini. Antaranya mengenai makhluk termulia antara nabi dan malaikat, iblis daripada golongan jin atau malaikat, peranan malaikat dalam medan perang dan lain-lain. Hasil daripada pandangan yang diutarakan oleh para sarjana dan ulama Islam ini menjadikan umat Islam lebih memahami dan menghayati tentang persoalan tersebut. Di samping itu pemikiran yang diperincikan oleh para ulama dan sarjana Islam dapat membantu generasi pada hari ini dalam mencetuskan idea serta memberi panduan dan bimbingan dalam mengharungi liku-liku hidup.

Kata kunci: *nabi, malaikat, jin, makhluk halus, makhluk kasar*